

31 AUG 2000

Mahathir-Lawatan

JADUAL KETAT BAGI DR MAHATHIR DI CHICAGO

Oleh: Mohamed Kamel Othman

CHICAGO, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai jadual yang ketat apabila tiba di sini esok untuk lawatan kerja selama tiga hari.

Selain menerima anugerah pencapaian daripada sebuah pertubuhan kewangan Islam yang berpusat di Amerika Syarikat, Lariba, Dr Mahathir juga akan menemui pemimpin korporat, tokoh-tokoh kanan IT, pelabur dan pelajar serta rakyat Malaysia di sini.

"Perdana Menteri mempunyai jadual yang ketat," kata Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Ghazzali Sheikh Khalid, ketika memberi taklimat kepada media Malaysia mengenai lawatan Perdana Menteri, di sini.

Pada hari pertama lawatan, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan tertutup dengan Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean. Pertemuan pada hari Jumaat itu juga akan dihadiri oleh presiden Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean Ernest Z.Bower.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir akan menerima anugerah pencapaian daripada Lariba.

Penyampaian anugerah itu yang akan berlangsung di Islamic Cultural Centre of Greater Chicago di Northbrook ialah sebagai menghargai peranan Dr Mahathir sebagai peneraju utama dalam merangka hala tuju baru dalam pembangunan ekonomi, dasar kewangan dan pemupukan prinsip kewujudan bersama di kalangan pelbagai kaum dan juga melaksanakan langkah berani semasa krisis ekonomi dan kewangan Asia pada 1998.

Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucapan selepas menerima anugerah itu, kata Ghazzali.

Pada hari kedua, Dr Mahathir akan melawat Motorola Center di Schaumburg sebelum ditemuramah oleh Islamic News Agency.

Ghazzali berkata pada hari ketiga, Perdana Menteri akan mengadakan sesi dengan pemimpin korporat, tokoh-tokoh kanan IT, pelabur termasuk pengerusi Raytheon Aircraft Company Hansel Tookes.

Beliau juga akan menghadiri sesi dialog dengan ahli-ahli teknologi dan pelabur Amerika Syarikat sebelum menemui kira-kira 400 pelajar Malaysia di Rosemont.

Pada sebelah malam Ahad pula, Dr Mahathir akan menghadiri majlis sambutan Hari Kebangsaan oleh Malaysian Chicago Club of Chicago di Westin Hotel di North Michigan Avenue, di sini.

Dr Mahathir akan berlepas ke New York pada lewat malam untuk menghadiri rundingan tidak formal dengan para pemimpin Kumpulan Negara Membangun (G-77) pada Selasa, susulan daripada rundingan di London minggu lepas.

-- BERNAMA

MKO JK FAZ